

**SEMPENA HIMPUNAN KOMUNITI USAHAWAN TEKUN NEGERI JOHOR
BERSAMA YAB TAN SRI DATOâ€”â€” HAJI MUHYIDDIN HAJI MOHD YASSIN
16/04/2013**

PERSADA JOHOR INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE, JOHOR BAHRU, JOHOR
DARUL TAKZIM

Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Rahim Hassan
Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif
TEKUN Nasional;

Ketua-ketua jabatan, pihak media massa, tuan-tuan dan puan-puan para usahawan TEKUN yang
saya hormati sekalian.

تُهِّ وَبَرَكَاتِ اللَّهِ وَرَحْمَةُ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul pada hari ini dalam Himpunan Komuniti Usahawan TEKUN Negeri Johor yang menghimpunkan hampir 5,000 usahawan-usahawan dari seluruh 26 kawasan Parlimen di negeri Johor.
2. Di kesempatan ini juga ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada TEKUN Nasional yang telah menjemput saya untuk merasmikan majlis pada hari ini.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada tengahari ini di majlis yang amat bermakna terutamanya kepada usahawan TEKUN negeri Johor.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

4. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan melahirkan rasa bangga saya kepada saudara dan saudari sebagai masyarakat peniaga kerana berjaya mengambil peluang-peluang serta kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi menjana peningkatan pendapatan, dan seterusnya mampu membina kekayaan dan dapat menaikkan taraf kehidupan dan ekonomi keluarga agar menjadi lebih berkualiti dan terjamin.
5. Penglibatan saudara dan saudari dalam bidang perniagaan adalah juga selaras dengan sabda Rasulullah S.A.W. yang menyatakan bahawa “ Sembilan daripada Sepuluh Sumber Rezeki adalah dari Perniagaan ”.

MODAL PERNIAGAAN

6. Saudara dan saudari sekalian, apabila kita menyentuh mengenai perniagaan, pastinya ada kaitan dengan keperluan Modal. Kerajaan seringkali menerima maklumbalas bahawa peniaga-peniaga kecil kurang berminat untuk mendapatkan pinjaman melalui institusi kewangan,

walaupun pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak bank dan institusi kewangan di Negara ini, kerana saluran untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan tersebut agak sukar disebabkan syarat-syarat pinjaman yang dikenakan yang tidak dapat dipenuhi seperti memerlukan penjamin, cagaran, kertas kerja, track record, akaun perniagaan dan sebagainya.

AKSES KEPADA KREDIT

7. Menyedari keperluan menangani masalah ini, serta keprihatinan Kerajaan terhadap kepentingan peniaga-peniaga kecil Bumiputera, maka Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan TEKUN yang bertujuan untuk melengkapkan peniaga-peniaga kecil Bumiputera dengan modal perniagaan bagi menjamin kelancaran dan perkembangan operasi perniagaan mereka.

8. Skim pinjaman TEKUN adalah merupakan skim pinjaman yang mudah, tidak memerlukan penjamin dan cagaran serta mudah diakses oleh peniaga di seluruh negara.

9. Sejak diwujudkan pada tahun 1998, TEKUN Nasional telah menjadi sebuah institusi strategik dan berkesan di peringkat akar umbi. Sehingga ini, TEKUN telah menyalurkan pinjaman bernilai lebih RM2.5 bilion kepada 248 ribu usahawan meliputi kesemua 222 kawasan parlimen di seluruh negara.

10. Bilangan ini juga termasuk pembiayaan kepada 5,377 peniaga dari kalangan masyarakat India yang bernilai RM48.57 juta di bawah program Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) yang diperkenalkan pada tahun 2008.

11. Sementara itu, pembiayaan TEKUN yang berada di dalam pasaran (circulation) adalah bernilai lebih RM1.5 bilion yang merupakan modal kepada peniaga yang berputar secara aktif di dalam pasaran. Jumlah ini adalah besar dan mampu memberi kesan berganda kepada pertumbuhan ekonomi Negara serta sektor PKS.

CAJ PERKHIDMATAN

12. Seperti saudara dan saudari sedia maklum, pinjaman TEKUN ini mengenakan caj perkhidmatan yang amat rendah (4%) berbanding dengan institusi mikrokredit luar Negara. Sebagai contoh, Grameen Bank di Bangladesh mengenakan caj sehingga 20% dan Bank Rakyat Indonesia pula mengenakan caj sehingga 25% dan kebanyakan Negara di dunia mengenakan caj pada kadar 25% setahun.

13. Ini jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam membantu golongan peniaga dan usahawan mendapat pinjaman yang mudah pada kadar caj yang rendah serta tempoh bayaran balik yang fleksibel.

PERUNTUKAN DANA TEKUN

14. Sehubungan ini, bagi tahun ini Kerajaan terus menyediakan peruntukan sebanyak RM350 juta, dan sebanyak RM50 juta adalah dikhaskan kepada masyarakat India di bawah Skim

Pembangunan Usahawan Masyarakat India.

INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PERNIAGAAN

15. Bagi terus bersaing di dalam dunia perniagaan yang mencabar dan keadaan ekonomi yang tidak menentu hari ini, saya harap peniaga-peniaga kita terus meningkatkan ilmu pengetahuan, dan kemahiran perniagaan di samping melengkapkan diri dengan daya kreativiti dan inovasi dalam menjalankan perniagaan mereka.

16. Sehubungan ini juga, penggunaan ICT juga amat signifikan selaras dengan kehendak daya saing perniagaan, dan pasaran masakini.

17. Kerajaan ingin terus melahirkan lebih ramai peniaga yang berinovatif sebagai innovator yang mempelopori bidang baru dalam sesuatu perniagaan, bukannya berniaga mengikut-ikut orang lain. Apabila kita mengikut-ikut orang lain, maka kita akan masuk ke dalam bidang yang ditinggalkan oleh orang lain atau sunset industry atau kita sebagai orang yang tertinggal dalam kitaran sesuatu perniagaan dan tidak mampu bersaing dan bertahan.

PEMASARAN

18. Dari segi pemasaran pula, kajian mendapati 90% syarikat kecil dan mikro di Negara ini tidak melakukan aktiviti pemasaran secara meluas dan berkesan. Walaupun kita tahu pemasaran adalah merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan sesuatu perniagaan.

19. Oleh itu, saya berharap peniaga-peniaga dapat memperuntukkan perancangan dan modal bagi aktiviti pemasaran untuk terus kekal dan berkembang maju. Pemasaran juga menjadi lebih mudah, murah dan lebih efektif dengan kemajuan ICT, khususnya menerusi internet secara online business.

20. Selain itu, Kerajaan turut mengingatkan peniaga kecil agar konsisten dalam memberi penekanan kepada elemen pembungkusan, labeling dan penjenamaan. Dengan mengeluarkan produk yang baik dan berkualiti semata-mata tidak menjamin ianya boleh dipasarkan dengan berkesan, dan berjaya menarik minat pelanggan.

21. Sebaliknya produk yang baik dan berkualiti dengan pembungkusan, labeling dan penjenamaan yang baik akan dapat menambah nilai produk (value added) yang ditawarkan, seterusnya mampu menarik perhatian pelanggan, malahan berpeluang mewujudkan pasaran khusus (niche market). Ini sudah tentu akan membawa pulangan yang besar, dan berganda.

NILAI TAMBAH

22. Saya turut mengambil kesempatan ini menggalakkan usahawan mengambil peluang melakukan nilai tambah yang kreatif terhadap produk yang dihasilkan agar ianya dapat membantu memaksimumkan pendapatan usahawan.

23. Seterusnya, produk-produk ini dapat dipasarkan sendiri ataupun melalui hypermarket seperti

TESCO, Carrefour, Giant, Mydin dan lain-lain. Jika ini dapat dilakukan, saya percaya produk-produk desa yang dihasilkan dapat dipasarkan ke peringkat nasional, regional mahupun sehingga ke peringkat global melalui rangkaian hypermarket ini.

USAHAWAN BERJAYA

24. Program TEKUN ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya oleh para usahawan kecil Bumiputera, dan masyarakat India. Saya difahamkan pada hari ini TEKUN Nasional akan menyampaikan Anugerah Usahawan Cemerlang bagi mengiktiraf kejayaan keusahawanan mereka.

25. Saya juga berasa bangga dan ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan usahawan yang akan menerima anugerah sebentar nanti.

26. Saya percaya Usahawan TEKUN yang berjaya ini adalah hasil daya usaha dan kegigihan mereka sendiri di samping kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan seperti kemudahan pinjaman yang disediakan oleh TEKUN Nasional.

27. Justeru itu, harapan saya semoga semua usahawan ini menghargai dan bersyukur atas usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu mereka selama ini.

28. Adalah juga diharapkan dengan usaha-usaha Kerajaan ini, akan lahir lebih ramai usahawan berjaya selaras dengan hasrat untuk mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi menjelang 2020.

29. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Himpunan Komuniti Usahawan TEKUN Negeri Johor pada hari ini.

Sekian, wasalamualaikum WBT.